

# Pendebat UTHM naib johan

**BATUPAHAT** – Pasukan debat Bahasa Melayu dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) diumumkan sebagai naib johan Pertandingan Debat Perpaduan Antara Institut Pengajian Tinggi (IPT), yang berlangsung di Auditorium Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Negeri Sabah.

Pasukan UTHM diwakili oleh Amirul Faiz Abdul Latif, Awang Mohd. Nurjihan Awang Ali, Lee Te Chuan dan Mohd. Hasrul Effendi Muhd Salleh, sekaligus membawa pulang wang tunai berjumlah RM5,000

Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata,



**MOHD NOH DALIMIN**

UTHM berjaya merangkul kedudukan kedua selepas bertindak sebagai kerajaan ketika memperdebatkan usul yang agak panas iaitu 'PRU13 Cerminan Perpaduan Di Malaysia'

Kesemua hadiah disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Joseph Kurup.

Sementara itu, Ketua Bahagian Komunikasi

Korporat UTHM, Shafry Salim berkata, pertandingan debat kali kesembilan itu dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi, Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (Madum), Kerajaan Sabah dan Universiti Malaysia Sabah.